

30/06/2002

Penjelasan Dr M akan rungkai segala persoalan

Rejal Arbee

WALAUPUN seminggu telah berlalu sejak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat kejutan yang menggemparkan seluruh negara, tetapi masih ramai orang tertanya-tanya apakah sebenarnya yang mendorong beliau bertindak demikian.

Pelbagai andaian dimajukan sungguhpun beberapa kenyataan dikeluarkan untuk menjelaskan perkara itu serta pelbagai perkembangan yang berbangkit berikutan dengannya. Tetapi masih ramai yang meragui penjelasan itu hanya kerana ia tidak datang dari bibir Dr Mahathir sendiri. Rakyat kenalah tunggu kepulangannya daripada bercuti pada 3 Julai nanti untuk mendapatkan penjelasan memuaskan darinya sendiri.

Percutiannya itu pun telah juga menimbulkan berbagai-bagai andaian walaupun penjelasan telah dibuat bahawa ia sebenarnya telah dijadualkan dari awal lagi. Sudah menjadi kebiasaan baginya mengambil cuti sehari selepas tamat perhimpunan agung Umno sebagaimana berlaku sebelum ini.

Yang berbeza kali ini beliau bertolak beberapa jam lebih awal daripada yang dijadualkan, iaitu pada 10 pagi dan tidak pada sebelah petang Ahad itu mungkin kerana tidak mahu diganggu ramai kalau beliau bertolak mengikut jadual.

Pelbagai teori dimajukan kenapa beliau bertindak sebagaimana yang telah berlaku. Ada yang mengatakan bahawa beliau tersilap langkah dengan mengumumkan peletakan segala jawatannya dalam Umno dan Barisan Nasional secara mendadak tanpa menyediakan perwakilan Umno itu dulu dengan memberikan penjelasan terperinci terhadap apa yang mendorongnya mengambil keputusan itu.

Malangnya tindakan spontan oleh Datin Seri Rafidah Aziz yang meluru kepadanya diikuti oleh beberapa lagi anggota Majlis Tertinggi telah mencetuskan emosi yang meluap-luap dan menimbulkan keadaan yang sudah tidak terkawal lagi hinggakan beliau tidak dapat meneruskan ucapannya yang dikatakan akan memperincikan sebab-sebab kenapa beliau memutuskan untuk berundur.

Mereka yang rapat dengannya berkata beliau sememangnya berhasrat hendak meletakkan jawatannya sebagai Perdana Menteri sebelum 16 Julai 16, tarikh ulang tahun ke-21 beliau memimpin negara ini. Malah, mereka berkata beliau tentunya akan menjelaskan sebab musabab kenapa beliau memutuskan untuk mengundur diri dari pemerintahan negara. Selagi beliau tidak memberikan penjelasannya sendiri, apa yang boleh dikatakan hanyalah andaian saja.

Oleh kerana beliau sendiri tidak kesempatan memberikan alasan-alasannya timbullah pelbagai andaian itu. Ada yang mengatakan beliau mengambil keputusan itu adalah kerana telah begitu kecewa terhadap orang Melayu. Mengikut cerita ini beliau walaupun sudah berusaha begitu lama tetapi masih gagal untuk mengubah mindset Melayu untuk dapat bersedia berdaya saing dalam era globalisasi sekarang. Tetapi rakan-rakannya yang rapat berpendapat hasratnya untuk berundur tidak ada kena mengena dengan perasaan kekecewaannya terhadap orang Melayu.

Memang benar walaupun pelbagai usaha telah dilakukan kerajaan untuk meningkatkan penyertaan Melayu dalam ekonomi negara, penguasaan mereka di bidang ekonomi masih rendah dan tidak memuaskan. Dan ini adalah bersangkutan dengan adanya di antara Melayu yang diberi peluang mendapat berbagai kemudahan serta projek mencari jalan pintas untuk mendapat habuan tanpa mahu bekerja kuat

Walaupun demikian tiada siapa pun boleh menafikan bahawa orang Melayu

juga telah maju dan ada yang telah mencapai kejayaan yang membanggakan. Jumlah Melayu yang boleh ditakrifkan sebagai kelas menengah juga telah bertambah dengan mendadak dan demikian juga kini terdapat ramai golongan profesional Melayu. Maknanya, dasar ekonomi baru sememangnya telah memberi peluang kepada Melayu untuk maju dan sedikit sebanyak telah mencapai matlamat yang ditetapkan. Dan Dr Mahathir boleh berbangga dengan pencapaian itu yang kebanyakannya berhasil dalam tempoh beliau memimpin negara.

Jika demikianlah halnya, apakah sebenarnya yang mendorong beliau dengan tidak semena-mena membuat pengumuman mengejut itu? Kalau dilihat keadaan sekarang secara rasional sememangnya inilah masanya yang terbaik baginya untuk mengundur diri.

Beliau kini berada di kemuncak kejayaannya memimpin negara. Umno juga sudah pulih dan berada dalam keadaan yang lebih mantap. Ramai Melayu juga telah kembali memberikan sokongan kepada Umno. Demikian pula kakitangan kerajaan pun ramai yang telah kembali menyokong kerajaan. Keadaan ini telah jauh berbeza dengan suasana yang dihadapi Umno dan Barisan Nasional semasa pilihan raya 1999 dulu. Demikian juga ekonomi negara telah semakin pulih dan akan bertambah kukuh dan berada di landasan yang baik untuk terus berkembang dan maju.

Prestasi Dr Mahathir sendiri di mata dunia juga berada di kemuncak. Beliau disanjung bukan saja oleh negara-negara membangun malah negara-negara Islam dan negara maju sendiri. Beliau juga dianggap sebagai satu-satunya pemimpin Islam yang mempunyai kredibiliti dan wibawa yang tinggi. Media Barat walaupun masih menyebut-nyebut beliau sebagai ketua kerajaan yang paling lama berkuasa sudah mula mengiktiraf sumbangan dan kejayaannya membawa kemajuan yang boleh dibanggakan kepada Malaysia.

Selain itu, beliau juga berkeyakinan bahawa bakal penggantinya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sudah menunjukkan prestasinya yang baik dan mantap serta sudah bersedia untuk mengambil alih tampuk pimpinan. Abdullah dengan caranya tersendiri tanpa menyinggung lawan telah berjaya menampilkan kewibawaannya sebagai seorang pemimpin yang berkebolehan.

Bila diperhitungkan semua ini, sememangnya waktu inilah yang terbaik baginya untuk melepaskan jawatannya kepada penggantinya. Kalau diperhatikan beliau telah mengemudikan negara hampir 21 tahun. Tetapi baktinya kepada negara adalah lebih lama dari itu kalau dikirakan bahawa beliau mula dilantik menganggotai Kabinet sejak 4hb September 1974 lagi. Ini bermakna beliau telah berkhidmat dengan kerajaan selama hampir 28 tahun, ia itu suatu jangka masa yang lama.

Mereka yang rapat dengannya berkata kalau diimbaz kembali, Dr Mahathir sejak akhir-akhir ini sememangnya telah memberikan tanda-tanda dan isyarat bahawa beliau sedang berfikir secara serius untuk bersara tetapi mereka itu termasuk ahli-ahli keluarganya tidak terbayang bahawa beliau benar-benar mahu berundur waktu ini. Beliau sejak kebelakangan ini telah sering menyatakan hendak menjadi seorang biasa dan menulis buku serta menumpukan masa yang lebih dari yang diberikan sekarang untuk beribadat. Sememangnya sumbangan yang telah diberikannya kepada Umno, orang Melayu dan negara malah di bidang antarabangsa sekali pun tidak ternilai. Dan beliau memang berhak untuk mendapatkan masa bagi dirinya sendiri tanpa terpaksa mengabdikan dirinya kepada negara sepanjang masa.

Tetapi kalau begitu tekadnya untuk mengundur diri pada waktu ini kenapa pula beliau telah menarik balik hasratnya itu hingga ada pihak menuduh beliau bersandiwara? Apakah benar berlaku tolak ansur di antaranya dan pengurusan Umno yang diketuai Abdullah ketika menemuinya pada Ahad lalu sebelum beliau bertolak ke Eropah?

Seorang rakannya yang rapat berkata tidak ada tolak ansur di antara Dr Mahathir dengan jawatankuasa pengurusan Umno itu. Tolak ansur yang

dimaksudkan ialah tolak ansur dalam diri Dr Mahathir sendiri apabila beliau sendiri memberi tarikh persaraannya. Ia itu beliau bersetuju untuk terus menerajui kerajaan sehingga sidang kemuncak Persidangan Negara-negara Islam (OIC) pada bulan Oktober tahun depan dan tidak secara mendadak dengan serta merta.

Keputusan ini dibuat memandangkan beliau telah banyak mengkritik OIC kerana tidak berkesan. Ramai pemimpin negara-negara Islam berharap dengan persidangan OIC itu diadakan di Kuala Lumpur dengan diterajunya, beliau akan dapat memberikannya suatu nafas baru untuk menjadikan OIC sebagai sebuah pertubuhan Islam yang berkesan dan berwibawa serta dihormati.

Apa pun penjelasannya sendiri sekembalinya dari cuti pada 3 Julai ini nanti ditunggu ramai bukan saja di sini malah di mana-mana.

(END)